

Kefungsian Keluarga dalam Perspektif Islam: Sorotan Awal

BITARA

Volume 5, Issue 3, 2022: 065-079
 © The Author(s) 2022
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 27 Jun 2022
 Accepted: 27 Ogos 2022
 Published: 30 September 2022

[Family Functionality in The Islamic Perspective: Preliminary Highlights]

Siti Halimah Putung¹

1 Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan, Menara UMS Kampus Antarabangsa Labuan, 87000 Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan, MALAYSIA.
 E-mail: ct_ha5h@ums.edu.my

* Corresponding Author: ct_ha5h@ums.edu.my

Abstrak

Institusi keluarga dan masyarakat Islam hari ini semakin tenat dengan pelbagai masalah rumah tangga dan masalah sosial. Perceraian berlaku hanya disebabkan perkara remeh-temeh. Sementara kerapuhan jati diri dan lemahnya pegangan agama dalam diri anak-anak dapat dilihat apabila anak-anak dengan mudah terjebak dengan pelbagai gejala negatif yang merosakkan. Justeru kajian ini dijalankan untuk meneliti bagaimana seharusnya sebuah keluarga dapat berfungsi dengan baik dalam perspektif Islam. Memandangkan kajian-kajian lepas mengenai kefungsian keluarga lebih tertumpu kepada budaya dan perspektif Barat. Untuk itu, penelitian terhadap ayat-ayat Quran dan hadis-hadis Rasulullah S.A.W, penulisan-penulisan ulama Islam khususnya ulama tafsir, hadis dan fiqh dan sebagainya dijalankan bagi membincangkan kefungsian keluarga menurut Islam. Hasil penelitian mendapati empat indikator penting menentukan kefungsian keluarga dalam perspektif Islam iaitu kepimpinan keluarga, komunikasi keluarga, kesepadan dalam hubungan dan memenuhi fungsi-fungsi keluarga. Indikator-indikator ini merupakan elemen penting dalam sebuah keluarga yang jika tidak dijalankan dengan baik sebagaimana dikehendaki Islam maka akan berlaku ketidakfungsian, kepincangan, kerosakan dan keruntuhan institusi perkahwinan dan keluarga.

Kata kunci: Kefungsian, keluarga, perkahwinan, Islam.

Abstract

The Muslim family institution and society of today are becoming more critical due to all kinds of domestic and social problems. Divorces are simply triggered by trivial issues. While fragile sense of self-identity and weak religious adherence in children become apparent when they are easy to involve in various harmful negative activities. Therefore, this study was conducted to investigate how a family should be able to function well in the Islamic perspective. Past studies on family functionality have been more focused on Western culture and perspective. For that reason, research on the verses of the Quran and the hadiths of the Prophet (PBUH), literature of Islamic scholars, especially the Tafsir, Hadith and Fiqh scholars and so on has been carried out to discuss family functionality according to Islam. The research discovered four key indicators that determine family functionality in the Islamic perspective, which are family leadership, family communication, cohesion in relationships, and fulfilling the functions of a family. These indicators are important elements within a family that, if not carried out properly as required by Islam, will lead to the dysfunctionality, instability, breakdown and destruction of both marriage and family institutions.

Keywords: Functionality, family, marriage, Islam.

Cite This Article:

Siti Halimah Putung. (2022). Kefungsian Keluarga dalam Perspektif Islam: Sorotan Awal [Family Functionality in The Islamic Perspective: Preliminary Highlights]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(3): 065-079.

Pengenalan

Keluarga merupakan unit terkecil dan terpenting dalam masyarakat yang memiliki fungsi-fungsi tertentu di sepanjang kitarannya. Kefungsian keluarga memberi kesan kepada kefungsian sosial (Melati Sumari et al., 2020). Keluarga yang dapat berfungsi dengan baik akan melahirkan generasi yang baik, keluarga yang harmoni dan masyarakat yang sejahtera. Sebaliknya keluarga yang gagal berfungsi dengan baik akan melahirkan generasi yang bermasalah, keluarga yang porak-perada dan masyarakat yang kacau-bilau. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk mewacanakan kefungsian keluarga dalam perspektif Islam. Dengan memfokuskan perbincangan kepada persoalan bagaimana seharusnya sebuah keluarga dapat berfungsi dengan baik dalam perspektif Islam. Apakah indikator-indikator yang dapat dijadikan ukuran bahawa sebuah keluarga itu dapat berfungsi dengan baik. Penulis merasakan adanya keperluan untuk mewacanakan kefungsian keluarga dalam perspektif Islam melihat kepada masalah keluarga dan sosial yang dihadapi masyarakat Islam di negara ini. Selain kajian-kajian lepas mengenai kefungsian keluarga lebih tertumpu kepada budaya dan perspektif Barat. Oleh sebab itu dalam memahami bagaimana sebuah keluarga dapat berfungsi dengan baik sudah tentu Quran dan Sunnah perlu diteliti. Kerana keluarga yang baik dalam perspektif Islam adalah keluarga yang dibangun berlandaskan Islam sebagai asas dan Rasulullah S.A.W sebagai teladan dalam menjalani kehidupan berkeluarga.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif sepenuhnya bagi menganalisis dan membincangkan kefungsian keluarga dalam perspektif Islam. Analisis terhadap ayat-ayat Quran dan hadis-hadis Rasulullah S.A.W, penulisan-penulisan ulama tafsir, hadis dan fiqh muktabar, buku, artikel dalam jurnal dan sebagainya berkaitan kajian dijalankan.

Kefungsian Keluarga dalam Perspektif Psikologi

Kefungsian keluarga banyak dibincangkan dalam bidang psikologi. Kefungsian keluarga dilihat sebagai suatu fenomena yang kompleks tetapi boleh ditafsir dengan pelbagai cara. Banyak teori mahupun model dibangunkan bagi menjelaskan kefungsian keluarga. Bahkan berdasarkan teori dan model tertentu telah dibangunkan instrumen untuk mengukur kefungsian keluarga individu. Dua model kefungsian keluarga yang sering digunakan dalam konteks Malaysia bagi mengukur kefungsian keluarga seseorang iaitu *Circumplex Model of Marital and Family* dan *Model Kefungsian Keluarga McMaster*.

Kefungsian keluarga dalam *Circumplex Model of Marital and Family* melihat kefungsian keluarga berdasarkan hasil/kesan dari fungsi keluarga yang dijalankan dalam sebuah keluarga. Justeru kefungsian keluarga ditandai dengan tiga ciri khusus iaitu kesepadan keluarga, kebolehsuaian keluarga dan komunikasi keluarga (Dai & Wang, 2015). Manakala model kefungsian keluarga McMaster melihat kefungsian keluarga sebagai proses yang dilalui oleh sebuah keluarga dalam memenuhi tugas-tugasas asas dalam kehidupan sehari-hari keluarga. Enam aspek yang dianggap kritikal yang memberi kesan kepada kesihatan fizikal dan emosi keluarga dijadikan ukuran kepada kefungsian keluarga iaitu penyelesaian masalah, komunikasi, peranan, responsif afektif, penglibatan afektif dan kawalan tingkah laku.

Dimensi-dimensi yang menjadi ukuran kepada kefungsian keluarga dalam kedua-dua model ini saling berkaitan antara satu dengan yang lain. Misalnya dimensi fleksibiliti dalam sebuah keluarga, penyelesaian masalah dan kawalan tingkah laku adalah berkait rapat dengan bagaimana kepimpinan dalam sebuah keluarga berfungsi. Sementara dimensi penglibatan afektif dapat meningkatkan kesepadan dalam hubungan keluarga dan responsif afektif antara bentuk komunikasi yang efisien. Peranan pula merupakan fungsi-fungsi keluarga yang perlu dijalankan di dalam sebuah keluarga. Justeru itu, dimensi-dimensi kefungsian keluarga ini dapat dikelompokkan menjadi empat aspek utama iaitu kepimpinan keluarga, kesepadan hubungan, komunikasi dan fungsi-fungsi keluarga sebagaimana ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual: Rangkuman dimensi-dimensi kefungsian keluarga

Kepimpinan keluarga	Kesepadan hubungan	Komunikasi	Fungsi-fungsi keluarga
Penyelesaian masalah	Penglibatan afektif	Responsif afektif	Peranan
Kawalan tingkah laku			
Fleksibiliti keluarga			

Berdasarkan jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa empat aspek utama iaitu kepimpinan dalam sebuah keluarga, kesepadan dalam hubungan, komunikasi keluarga dan keupayaan keluarga menjalankan fungsi-fungsinya dapat dijadikan petunjuk atau indikator kepada kefungsian sesebuah keluarga. Hal ini juga memperlihatkan aspek kepimpinan dalam sebuah keluarga merupakan elemen penting tidak hanya dalam perspektif Islam malahan dalam perspektif psikologi sehingga dapat menentukan kefungsian sesebuah keluarga. Justeru itu, untuk menganalisis kefungsian keluarga dalam perspektif Islam, aspek-aspek ini dijadikan kerangka perbincangan.

Kefungsian Keluarga dalam Perspektif Islam

Keluarga yang baik dan utuh merupakan asas dalam membina masyarakat yang kuat. Pembentukan keluarga tidak hanya dapat memenuhi fitrah manusia bahkan dapat memberikan impak kepada masyarakat dan agama. Lantaran itu, membentuk keluarga yang baik menjadi matlamat dan agenda penting dalam Islam. Islam sebagai agama fitrah meletakkan garis panduan yang sangat komprehensif dalam membentuk keluarga yang baik bermula dari awal

pembentukan keluarga iaitu pemilihan pasangan sehingga ke pengakhiran hubungan sama ada kerana kematian atau perceraian. Demikian juga diperuntukkan hak dan kewajipan-kewajipan tertentu yang perlu dijalankan dan ditunaikan baik sebagai suami atau isteri, ibu atau bapa dan anak-anak demi kelangsungan dan kefungsian sebuah keluarga.

Bagaimanapun kefungsian keluarga dalam konteks Islam, tidak dibincangkan sebagaimana dalam bidang psikologi. Justeru itu, dimensi-dimensi yang menjadi ukuran kepada kefungsian keluarga dalam perspektif psikologi sebagaimana di atas dijadikan kerangka perbincangan. Penulis merangkumkan dimensi-dimensi tersebut menjadi empat aspek utama iaitu kepimpinan keluarga, kesepaduan hubungan, komunikasi dan fungsi-fungsi keluarga.

Komunikasi keluarga

Dalam konteks keluarga, komunikasi dapat menjelaskan tahap perhubungan antara ahli keluarga. Komunikasi menjadi medium meluahkan kasih sayang, perhatian, membangun dan memelihara hubungan suami dan isteri serta anak-anak. Lantaran itu, komunikasi baik antara suami dan isteri memberi kesan kepada kesepaduan hubungan. Sebaliknya, komunikasi yang tidak terbangun dengan baik antara suami dan isteri boleh mencetuskan konflik sehingga membawa kepada perceraian (Mohammad Luthfi, 2017).

Sehubungan itu, Islam telah meletakkan asas yang kukuh berhubung komunikasi dalam sebuah keluarga. Firman Allah S.W.T;

وَعَشْرُوْهُنَّ بِالْمَعْزُوفٍ فَإِنْ كَرِهُوْهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرُهُوْا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا

Terjemahan: Dan bergaullah dengan mereka secara baik. Kemudian bila kamu tidak menyukai mereka, (maka bersabarlah) karena mungkin kamu tidak menyukai sesuatu, padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak (al-Nisā', 4:19)

Berdasarkan ayat ini, dapat difahami bahawa suami sebagai pemimpin keluarga wajib memperlakukan isteri dengan baik sama ada dengan kata-kata ataupun dengan perlakuan. Menurut ulama, bergaul secara baik dalam ayat di atas bermaksud memperelokkan kata-kata dan tingkah laku kepada isteri, tidak menyakitinya dan bersikap belas ihsan terhadapnya.(As-Sa'di, 2002; Ibn Kathīr, n.d.) Ini menunjukkan suami sebagai pemimpin keluarga bertanggungjawab mengamalkan dan membangun komunikasi yang baik dalam keluarganya. Kewajipan suami mengamalkan komunikasi yang baik kepada isteri ini memberi petunjuk kepada pentingnya terbangun komunikasi yang baik dan positif dalam kehidupan berkeluarga. Keperluan membangun komunikasi yang baik dalam sebuah keluarga juga dapat diperhatikan dalam ayat di bawah;

فَإِنْ أَرَاكُمْ فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِنْهُمَا وَتَشَافُرٌ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا

Terjemahan: Kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah

berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya) (Al-Baqarah, 2:233)

Ayat di atas memperlihatkan komunikasi terbuka antara suami isteri sangat penting dalam membincangkan hal ehwal keluarga, melakukan rundingan dan mencari kesepakatan bersama. Ini bermakna komunikasi keluarga seharusnya bersifat terbuka dan dua hala. Komunikasi dua hala dalam sebuah keluarga dirakamkan di dalam Quran sebagaimana firman Allah S.W.T;

قَالَ يُبَيِّنَ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَىٰ قَالَ يَأْبَتِ أَفْعَلُ مَا تُؤْمِنُ سَتَجْدُنَّ إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنْ
الصُّبَرِينَ

Terjemahan: Nabi Ibrahim berkata: "Wahai anakku sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku menyembelihmu. Maka fikirkanlah apa pendapatmu!" Ia (Nabi Ismail) menjawab: "Wahai ayahku, kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu, dengan izin Allah kamu akan mendapatkan termasuk orang-orang yang sabar" (Al-Saffat 37:102)

Ayat di atas memperlihatkan komunikasi dua hala yang terbangun dalam sebuah keluarga antara seorang ayah dengan anak. Menerusi ayat diceritakan Nabi Ibrahim A.S meminta pandangan nabi Ismail A.S berhubung mimpinya sebelum baginda membuat keputusan meskipun hal sedemikian (menyembelih nabi Ismail A.S) merupakan perintah Allah S.W.T Hal ini menunjukkan komunikasi dua hala dalam sebuah keluarga perlu diterapkan. Sebagai pemimpin keluarga, suami atau bapa tidak sewajarnya membelakangkan pandangan mahupun saranan daripada anak dan isteri yang mungkin bersesuaian selagi mana ia tidak bertentangan dengan kehendak agama dan norma-norma masyarakat.

Justeru itu, dapat ditegaskan keluarga yang baik dan berfungsi dalam Islam sebagaimana digambarkan di dalam al-Quran mestilah keluarga yang mengamalkan komunikasi yang baik, terbuka dan bersifat dialogis dalam membincangkan hal ehwal keluarga. Komunikasi seumpama ini sangat penting kerana setiap persoalan mahupun permasalahan yang timbul dalam keluarga dapat dibincangkan secara bersama dan proses penyelesaian masalah menjadi lebih mudah. Komunikasi keluarga yang berkesan dapat mewujudkan hubungan yang harmoni dan erat seterusnya membentuk keluarga yang cemerlang dan berfungsi (Cut Mawar Helmanda & Novita Pratiwi, 2018). Pemimpin keluarga mahupun ibu bapa dapat menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan kerana proses mengasuh, membimbing, mendidik dan memantau aktiviti dan perkembangan ahli keluarga terutamanya anak-anak dapat dilakukan dengan lebih baik. Sebaliknya, komunikasi yang bermasalah dalam sesebuah keluarga boleh mendarangkan impak negatif kepada fungsi dan kesejahteraan keluarga serta membawa kepada keruntuhan rumah tangga (Noor Syaibah Shabuddin et al., 2016).

Kesepaduan dalam Hubungan

Kesepaduan dalam hubungan menjadi indikator penting menunjukkan sebuah keluarga adalah keluarga yang baik, sihat dan berfungsi. Asasnya, kesepaduan hubungan suami dan isteri ini dapat difahami dalam ayat di bawah;

هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ

Terjemahan: Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka (al Baqarah 02:187)

Allah S.W.T memerihalkan hubungan suami dan isteri seperti pakaian kepada pasangannya menggambarkan kedekatan dan kesepaduan hubungan antara suami dan isteri. Sehubungan itu, al-Zamkhasyārī (Al-Zamkhasharī, 2009) mengatakan sukar untuk suami mengelakkan diri atau menjauhi isterinya. Hal ini menunjukkan hubungan suami isteri seharusnya seperti pakaian tidak hanya dekat dan saling terhubung bahkan saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain.

Sehubungan itu, Rasullah S.A.W sangat menjaga keintiman hubungannya bersama isteri-isterinya sehingga Rasulullah S.A.W dilihat sebagai suami yang sangat romantis, penyayang, prihatin, mesra, responsif dan penuh pengertian. Misalnya dalam sebuah hadis disebutkan Aisyah R.A berkata;

وَكَانَ يَوْمَ عِيدِ يَلْعَبُ السُّودَانُ بِالدَّرَقِ وَالْحَرَابِ فَإِمَّا سَأَلَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَإِمَّا قَالَ تَشَتَّهِينَ تَشَطِّرِينَ فَقُلْتُ نَعَمْ فَأَقَامْنِي وَرَاءَهُ خَدِي عَلَى خَدِهِ وَهُوَ يَقُولُ دُونَكُمْ يَا بَنِي أَرْفَدَهُ حَتَّى إِذَا مَلِثْ قَالَ حَسِبْكِ قُلْتُ نَعَمْ قَالَ فَادْهِي

Terjemahan: Pada suatu hari, orang-orang berkulit hitam mempertontonkan permainan perisai dan leming. Aku tidak ingat sama ada aku yang meminta kepada Nabi atau Nabi sendiri yang berkata padaku, adakah aku ingin melihatnya. Aku menjawab, ‘ya.’ Lalu baginda menyuruh aku berdiri di belakangnya, pipiku menempel pipinya. Baginda berkata; ‘teruskan permainan kalian, wahai Bani Arfidah (julukan orang Habasyah)!’ sehingga ketika aku merasa bosan, beliau bertanya, ‘apakah kamu sudah puas?’ aku menjawab, ‘ya.’ Baginda berkata, ‘kalau begitu, pergilah!.’(Al-‘Asqalānī, 2013)

Hadis di atas menggambarkan Rasulullah S.A.W sangat memahami dan menghargai hal-hal yang disukai isterinya sehingga baginda sendiri sanggup menemani Saidatina Aisyah R.A. melakukan aktiviti yang disukai isterinya itu. Perlakuan sedemikian sudah tentu memberi impak besar kepada kesepaduan dalam hubungan. Dalam psikologi hal ini disebut sebagai “penglibatan afektif” yang merujuk kepada sejauh mana ahli keluarga menunjukkan minat dan penghargaan terhadap aktiviti ahli keluarga yang lain. Aspek ini menjadi ukuran kepada kefungsian keluarga dan ternyata Rasulullah S.A.W terlebih dahulu memahami dan mempraktikkannya dalam kehidupan berumahtangga.

Memahami kepentingan kesepaduan dalam hubungan ini juga justeru, Rasulullah S.A.W manusia paling sibuk sekalipun tetap memperuntukkan dan meluangkan masa bersama keluarga serta melakukan aktiviti bersama mereka. Dalam sebuah hadis diceritakan Rasullullah S.A.W pernah berlumba lari dengan Aisyah R.A ;

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ سَابَقَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَبَقْتُهُ فَأَبْتَثَاهُ حَتَّىٰ إِذَا رَهَقَنِي الْلَّهُمُ سَابَقَنِي فَسَبَقْنِي
فَقَالَ هَذِهِ بِتِيكَ.

Terjemahan: Aisyah bercerita, “Nabi S.A.W berlumba lari denganku dan aku mendahuluinya. Tetapi, ketika badanku gemuk, Nabi S.A.W mengajak lumba lari lagi, namun baginda mendahuluiku, kemudian baginda berkata, ini adalah balasan (kekalahanku) yang dahulu’ (Abū Dāwud, 2009)

Berdasarkan hadis ini dapat difahami meluangkan masa bersama keluarga melalui aktiviti yang dilakukan bersama antara platform terbaik dalam meningkatkan kesepaduan dan mengukuhkan hubungan keluarga. Justeru itu, keluarga yang mempunyai kefungsian yang baik perlu selalu berinisiatif melakukan aktiviti bersama keluarga, tidak kira aktiviti tersebut berbentuk santai mahupun berupa kewajipan atau tugas yang perlu dijalankan contohnya menunaikan solat berjemaah, melakukan kerja-kerja rumah bersama dan sebagainya.

Menjalankan Fungsi-fungsi keluarga

Umumnya, fungsi utama sebuah keluarga adalah sama dalam semua konteks budaya iaitu reproduksi, sosialisasi, ekonomi dan sokongan emosi (Rozumah Baharudin & Mansor Abu Talib, 2014). Bagaimanapun menurut Quraish Shihab terdapat perbezaan fungsi keluarga antara satu budaya dengan budaya yang lain, paling tidak pada perincian dan huraiannya kerana lazimnya keluarga dipengaruhi budaya (M. Quraish Shihab, 2015). Demikian halnya fungsi-fungsi sebuah keluarga dalam perspektif Islam terkandung padanya matlamat Islam itu sendiri sebagaimana diuraikan di bawah;

Memberi perlindungan

Fungsi asas sebuah keluarga adalah untuk memberikan perlindungan kepada ahlinya sama ada antara suami dan isteri mahupun ibu bapa dan anak-anak. Kerana asas hubungan suami isteri dalam sebuah keluarga adalah saling melindungi antara satu sama lain. Kenyataan ini didasarkan pada firman Allah S.W.T di bawah;

هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ

Terjemahan: Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka (Al Baqarah 02:187)

Ayat ini menggambarkan suami dan isteri ibarat pakaian kepada pasangannya. Persamaan “pakaian” dengan hubungan suami isteri dapat dilihat melalui fungsinya. Menurut al-Alusi suami dan isteri dianggap pakaian kerana masing-masing dapat menutupi dan menghalang pasangannya daripada melakukan perkara-perkara keji dan maksiat (Al-Alūsī, n.d.). Tidak hanya itu, pasangan suami isteri berfungsi menjaga kehormatan pasangannya, menutup kekurangan dan kelemahannya sebagaimana pakaian dapat melindungi pemakainya daripada terlihat keaiban dan cacat celanya. Ini selaras dengan pandangan Quraish Shihab yang mengatakan suami isteri seharusnya dapat menutup kekurangan pasangannya, saling memerlukan antara satu sama lain berdasarkan ayat di atas (M. Quraish Shihab, 2015) Bahkan pakaian melindungi pemakainya daripada perkara-perkara yang boleh menyakiti dan mencederakannya sehingga pemakainya berasa selamat dan aman.

Fungsi ini meletakkan keluarga sebagai tempat terbaik dan selamat bagi individu mendapatkan perlindungan sama ada perlindungan fizikal, mental dan emosi. Bahkan keluarga yang baik tidak hanya menawarkan perlindungan fizikal, mental dan emosi tetapi perlindungan agama dan akhlak. Justeru itu, untuk mencapai fungsi perlindungan secara optimum, sebuah keluarga perlu menjalankan fungsi-fungsinya yang lain iaitu memelihara agama, memelihara kehormatan dan akhlak, memelihara keturunan, memberikan kasih sayang, memberikan didikan dan bimbingan, memenuhi keperluan material.

Memelihara agama

Perlindungan paling utama dalam sebuah keluarga adalah pemeliharaan agama. Pemeliharaan agama bermaksud mengawasi segala perintah Allah S.W.T dengan menunaikannya dan menjauhkan segala larangan-Nya (Asming Yalawae et al., 2011). Keluarga yang baik sudah tentu keluarga yang berfungsi dalam pemeliharaan agama kerana ketenangan dan keberkatan hidup hanya dapat dicapai dengan pemeliharaan agama. Agama memberikan bimbingan dan panduan ke arah kesejahteraan hidup. Fungsi ini terkandung dalam firman Allah S.W.T di bawah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوَّا أَنفُسَكُمْ وَآهُلِيْكُمْ نَارًا

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api Neraka (al-Tahrim, 66: 6).

Menerusi ayat ini dapat difahami, memelihara agama dalam sebuah keluarga merupakan fungsi penting yang perlu dijalankan oleh suami sebagai pemimpin keluarga. Ini kerana melindungi ahli keluarga daripada api neraka hanya dapat dicapai dengan tertegak dan terpeliharanya agama dalam sebuah keluarga. Hal ini dapat dilakukan dengan cara menyuruh ahli keluarga melakukan ketaatan dan melarang mereka melakukan maksiat serta mengajarkan dan mendidik mereka ketakwaan (Al-Tabarī, 2000)

Bertitik-tolak daripada fungsi ini, justeru pembentukan keluarga mesti melalui syariat perkahwinan. Syariat perkahwinan dapat menyempurnakan agama seseorang sebagaimana disebutkan Rasulullah S.A.W:

إِذَا تَرَوْجَ الْعَبْدُ فَقَدِ اسْتَكْمَلَ نِصْفُ دِينِهِ؛ فَلَيْتَقِ اللَّهَ فِي النِّصْفِ الْبَاقِي

Terjemahan: Apabila seorang hamba itu berkahwin, maka sesungguhnya dia telah berusaha menyempurnakan sebahagian agamanya, maka hendaklah dia bertakwa kepada Allah pada sebahagian lagi yang berbaki.(Al-Ṭabarānī, 1995)

Perkahwinan adalah kaedah terbaik dalam membantu menguatkan agama dan dapat menghindarkan diri daripada kemaksiatan (Nik Abdul Aziz Nik Mat, 2012). Bahkan Ibn ‘Abbās mengatakan kesempurnaan dalam beribadat tidak tercapai sehingga seseorang itu berkahwin (Al-Ghazālī, 2005). Hal ini menunjukkan keutamaan dan kelebihan yang terkandung dalam syariat perkahwinan.

Abu Zahrah dalam hal ini menjelaskan, perkahwinan dianggap sunnah dalam Islam tidak kerana dapat memenuhi fitrah keinginan seksual manusia semata-mata bahkan kerana tujuan kemasyarakatan, psikologi dan keagamaan (Muhammad Abū Zahrah, n.d.) Kehidupan berkeluarga membuka ruang dan peluang seluasluasnya kepada suami isteri melipat gandakan kebaikan, berpesan-pesan dan ingat mengingatkan dalam hal kebaikan dan agama.

Memelihara kehormatan dan akhlak

Pembentukan keluarga melalui syariat perkahwinan dapat memelihara kehormatan dan akhlak manusia. Kerana perkahwinan dapat menjaga pandangan dan kemaluan seseorang daripada perkara-perkara haram sebagaimana disebutkan hadis;

مَنْ اسْتَطَاعَ الْبَاعَةَ فَلْيَزَوْجْ فَإِنَّهُ أَغْضَى لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنَ لِلْفُرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءُ.

Terjemahan: Barangsiapa antara kamu berkemampuan maka hendaklah dia berkahwin, kerana ia dapat menundukkan pandangan dan dapat memelihara kemaluan (Al-‘Asqalānī, 2011)

Melalui hadis dijelaskan bahawa perkahwinan dapat mengelakkan timbulnya kerosakan pada pandangan dan kemaluan (Al-Ghazālī, 2005) kerana keperluan syahwat dipenuhi secara sah dan halal. Hal ini sudah tentu dapat memelihara kehormatan manusia dan mengelakkannya daripada cara hidup yang keji. Kepentingan fungsi ini dalam sebuah keluarga dapat difahami dalam firman Allah S.W.T di bawah:

**أَحِلَّ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ لَرَفِثٍ إِلَى نِسَائِكُمْ هُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ وَأَنْثُمْ لِبَاسٌ لَهُنَّ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ كُنْتُمْ تَخْتَاثُونَ أَنْفُسَكُمْ
فَتَابَ عَلَيْكُمْ وَعَفَا عَنْكُمْ فَالْآنَ بِشْرُوهُنَّ وَآبَتُغُوا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ**

Terjemahan: Dihalalkan bagi kamu pada malam hari bulan puasa bercampur dengan isteri-isteri kamu; mereka adalah pakaian bagimu, dan kamu pun adalah pakaian bagi mereka. Allah mengetahui bahwasanya kamu tidak dapat menahan nafsumu, kerana itu Allah mengampuni kamu dan memberi maaf

kepadamu. Maka sekarang campurilah mereka dan ikutilah apa yang telah ditetapkan Allah untukmu (Al-Baqarah 02:187)

Ayat ini berfungsi untuk memberi keizinan kepada pasangan suami isteri mengadakan hubungan kelamin pada malam hari di bulan Ramadan sebagai keringanan dan tidak ingin memberatkan mereka.(Al-Ghazālī, 2005) Kerana keperluan syahwat yang tidak dipenuhi dikhuatiri membawa kepada mudarat dan kerosakan yang lebih. Lantaran itu, suami atau isteri tidak boleh mengabaikan atau memandang enteng fungsi ini. Pasangan suami isteri perlu saling memelihara kehormatan antara satu sama lain, sementara anak-anak, perlu dipastikan agar tidak terjebak dengan perkara-perkara maksiat dan keji.

Bagi memenuhi fungsi ini, ibu bapa bertanggungjawab mendidik anak-anak adab pergaulan. Memerhatikan keperluan dan kecenderungan mereka terhadap pasangan berlawanan jenis. Dalam hal ini, Ibn ‘Abbās dikatakan selalu bertanya kepada anak-anaknya setelah mereka memasuki alam dewasa. Beliau berkata:” Jikalau engkau ingin berkahwin, maka saya akan mengahwinkan engkau.(Al-Ghazālī, 2005) Tindakan yang ditunjukkan Ibn ‘Abbās memperlihatkan kefungsianya sebagai pemimpin keluarga dalam memastikan kehormatan keluarganya terpelihara dan terjaga. Keluarga yang dapat memenuhi fungsi ini sudah pasti dapat mengelakkan kes-kes sumbang mahram, zina, pembuangan bayi dan sebagainya yang mencemarkan kehormatan manusia.

Memelihara keturunan

Keturunan yang baik sangat signifikan dalam peradaban Islam, meneruskan legasi dan amal kebaikan seseorang. Oleh kerana itu, nabi Zakaria bermunajat kepada Allah S.W.T agar dikurniakan zuriat ketika baginda belum dikurniakan zuriat sebagaimana dirakamkan di dalam al-Quran;

وَزَكَرِيَّا اذْنَادِي رَبَّهِ رَبَّ لَا تَذَرْنِي فَرِدًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْوَرَثَةِ ۝

Terjemahan: Dan (ingatlah kisah) Zakaria, ketika dia berdoa kepada Tuhan. Wahai Tuhanku! Janganlah Engkau biarkan daku seorang diri (dengan tidak meninggalkan zuriat) (Surah al-Anbiyā’ 21:89)

Al-Sa’dī dalam mengulas ayat ini mengatakan nabi Zakaria memanjatkan doa ini ketika baginda belum dikurniakan zuriat sedangkan usianya pada masa itu sudah lanjut. Baginda berasa bimbang tiada siapa yang dapat menggantikan tempatnya bagi meneruskan kerja-kerja dakwah kepada Allah dan memberi nasihat kepada manusia.(As-Sa’di, 2002) Hal ini memperlihatkan pembentukan keluarga dijangka dapat menjalankan fungsinya memelihara keturunan manusia dengan kelahiran zuriat bagi menyambung legasi keluarga dan peradaban Islam. Bertepatan dengan fungsi ini justeru Islam mengharamkan pemandulan tanpa sebarang keperluan yang dibenarkan syarak. Demikian juga perkahwinan sesama jenis yang jelas bercanggah dengan fitrah manusia yang sihat dan mengancam kelangsungan manusia di muka bumi ini.

Dari sudut agama, setiap zuriat yang dilahirkan sangat bernilai kerana pertambahan mereka menyumbang kepada kekuatan umat Islam (Zaydān, 1993). Rasulullah S.A.W. bersabda berhubung perkara ini;

تَرَوْجُوا الْوَلُودَ الْوَدُودَ، فَإِنِّي مُكَافِئٌ بِكُمُ الْأَبْيَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Terjemahan: Kahwinilah wanita yang subur dan penuh kasih sayang kerana sesungguhnya aku akan merasa bangga dengan kamu di hadapan umat-umat yang lain pada hari kiamat

Anjuran mengahwini wanita yang subur kerana wanita subur kebiasaannya melahirkan anak yang ramai. Namun begitu kuantiti yang ramai sahaja tidak memadai tanpa menitikberatkan kualitinya. Hanya zuriat yang berkualiti sahaja yang dapat menyumbang kepada kekuatan umat Islam dan dapat membangun peradaban Islam. berLantaran itu, menurut Quraish Shihab seseorang perlu bijak dalam memilih pasangan. Menanam benih di atas tanah yang gersang bukanlah tindakan yang bijak. Bahkan menanam di atas tanah yang subur sekalipun memerlukan perancangan dan kesesuaian agar tanaman yang dihasilkan berkualiti. Pasangan suami isteri perlu merancang kelahiran anak agar anak yang lahir sihat dan berkualiti. Kerana kehebatan masyarakat hari ini tidak bergantung pada jumlah dan keluasan wilayah tetapi pada kualiti dan prestasinya.(M. Quraish Shihab, 2015).

Memberikan kasih sayang

Keperluan manusia berkasih-sayang dan cinta-mencintai merupakan fitrah semulajadi yang diperakuan Allah S.W.T;

**وَمِنْ أَيْتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتُسْكُنُوهَا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّتَقُوِّمُ
يَتَّخِذُونَ**

Terjemahan: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan (Al-Rum 30: 21)

Melalui ayat ini dapat dikatakan pembentukan keluarga menawarkan ketenangan dan ketenteraman jiwa dengan tercurahnya kasih sayang dan belas kasihan dalam hubungan. Kasih sayang ibarat baja yang membekalkan vitamin agar hubungan lebih sihat, lebih segar dan lebih kuat. Keluarga yang dibina tanpa kasih sayang tidak akan dapat bertahan lama. Bahkan Anak-anak yang tidak mendapat kasih sayang dan perhatian ibu bapa dengan sempurna cenderung mengalami kerosakan jiwa dan membesar menjadi anak-anak yang nakal dan bermasalah.(M. Quraish Shihab, 2015) Memahami kepentingan fungsi ini dalam sebuah keluarga, Rasulullah

S.A.W pernah menegur seorang ayah yang tidak pernah mencium anaknya sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis;

جاء أعرابي إلى النبي ﷺ فقال: تقبلون الصبيان؟ فما زفباهم، فقال النبي ﷺ أو أملك لك أن نزع الله من قلبك الرحمة؟.

Terjemahan: Seorang Badwi datang kepada Nabi S.A.W dan berkata: Adakah kamu mencium kanak-kanak? Justeru kami tidak pernah mencium mereka. Lantas Nabi S.A.W bersabda, adakah aku mampu mencampakkan kasih sayang ke dalam hatimu setelah Allah S.W.T mencabutnya dari hatimu “Adakah aku mempunyai kuasa untukmu bahawa Allah telah mencabut rahmat dari hatimu?” (Al-‘Asqalānī, 2011)

Hadis di atas tidak hanya memperlihatkan kepentingan kasih sayang sebagai fungsi penting yang perlu dipenuhi dalam sebuah keluarga bahkan kasih sayang perlu ditunjukkan agar anak-anak dapat merasainya. Allah S.W.T menjadikan keluarga sebagai saluran terbaik untuk manusia berkasih sayang, berkongsi rasa dan mendapatkan sokongan emosi. Kasih sayang dapat membangun dan mengembangkan emosi-emosi positif. Sementara sokongan emosi dapat meringankan ketegangan dan tekanan perasaan yang dialami seseorang. Justeru itu, keluarga yang baik sudah tentu menjalankan fungsi ini, mencerahkan kasih sayang, memberi rasa aman dan perhatian kepada ahli keluarga (Azizah, 2018).

Memberikan pendidikan dan bimbingan

Keluarga adalah sekolah terbaik bagi anak-anak mahupun ahli keluarga mendapat didikan, bimbingan dan latihan mengenai kehidupan dan ajaran Islam. Keberkesanan pendidikan di rumah dalam membentuk keperibadian individu tidak dapat digantikan oleh mana-mana institusi lain di dunia ini. Hal ini ditegaskan Rasulullah S.A.W. dalam sebuah hadis;

كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَإِنَّمَا يُهَوِّدُهُ أَوْ يُنَصَّرِّهُ أَوْ يُمْحَسِّنُهُ

Terjemahan: Setiap anak yang lahir dalam keadaan fitrah, ibu bapanya adalah orang yang bertanggungjawab membentuknya menjadi Yahudi atau Nasrani atau Majusi (Al’Asqalānī, 2013).

Berdasarkan hadis, semua manusia dilahirkan dalam keadaan fitrah iaitu Islam menurut pandangan yang masyhur dalam kalangan ulama (Al-‘Asqalānī, 2013) tetapi ibu bapanya yang mendidik dan menjadikannya seorang Yahudi, Nasrani mahupun Majusi. Menurut al-Ghazālī hati dan jiwa anak-anak masih kosong ibarat kertas putih yang belum diconteng sedikit pun. Mereka menerima apa sahaja yang ditulis dan dilakar di atasnya. Justeru dia akan cenderung kepada sesuatu yang diberikan kepadanya. Anak-anak yang diajar dan dibiasakan melakukan kebaikan, maka dia akan membesar dengan kebaikan tersebut dan mendapat kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Sebaliknya anak-anak yang dibiasakan dan dibiarkan melakukan

kejahatan tanpa menghiraukan pendidikan dan pengajarannya maka anak tersebut akan celaka dan rosak akhlaknya (Al-Ghazālī, 2005)

Dari itu, dapat dikatakan pendidikan yang diberikan dalam keluarga merupakan fungsi penting yang tidak hanya berpengaruh pada pembentukan karakter bahkan terkait dengan kesejahteraan hidup seseorang. Justeru ibu bapa seharusnya tidak mengabaikan dan bersikap sambil lewa dalam menjalankan fungsi ini. Kewajipan keluarga menjalankan fungsi ini banyak dirakamkan di dalam Quran dan hadis-hadis Rasulullah S.A.W.

Memberikan pendidikan dan bimbingan ini tidak hanya kepada anak-anak, bahkan kepada isteri. Suami sebagai pemimpin keluarga bertanggungjawab menggerakkan fungsi pendidikan sesuai dengan situasi dan keperluan isterinya. Hal ini dijelaskan Allah S.W.T dalam firmanNya;

وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ إِنْ أَطَقْتُمْ فَلَا تَبْغُوا عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا

Terjemahan: Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukullah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka (al-Nisā', 4:34).

Jelas dalam ayat ini suami adalah pemimpin kepada isterinya mempunyai autoriti dan obligasi mendidik dan mengajar isterinya agar tidak berlaku nusyuz atau ingkar pada perkara-perkara yang menjadi kewajipan isterinya sama ada dalam urusan rumahtangga ataupun dalam agama. Sehubungan itu, menurut al-Ghazālī 2005, suami wajib mengajar isterinya hukum-hakam berkaitan dengan haid, istihadah, solat dan ketakwaan kepada Allah S.W.T. Jika suami sendiri tidak mampu mengajarkan perkara-perkara tersebut kepada isterinya, maka dia wajib menanggung pembiayaan isteri untuk tujuan menuntut ilmu agama.

Demikian juga anak-anak, jika seorang ayah tidak mampu mengajar anak-anak ajaran Islam maka wajib dia mendapatkan bantuan orang lain atau pihak lain yang berkenaan bagi tujuan tersebut. Bagaimanapun latihan dan pengawasan daripada seorang ayah atau ibu tetap sahaja tidak boleh diserahkan kepada pihak lain.

Memenuhi keperluan material

Fungsi keluarga yang seterusnya ialah memberikan perlindungan dalam bentuk material atau disebut sebagai nafkah. Suami sebagai pemimpin dalam keluarga bertanggungjawab menjalankan fungsi ini berdasarkan firman Allah S.W.T;

الرَّجُلُ قَوْمُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Terjemahan: Kaum lelaki adalah pemimpin bagi wanita, kerana Allah telah melebihkan orang lelaki atas wanita, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan dari harta mereka (Al-Nisā 4:34).

Melalui ayat dijelaskan antara sebab kepimpinan suami terhadap isteri adalah kerana suami telah membelanjakan hartanya untuk kepentingan isterinya. Suami menjadi sumber ekonomi isteri dan keluarganya bagi menampung keperluan material mereka.

Fungsi ini sangat penting dalam memastikan survival hidup keluarga. Tidak dapat memenuhi keperluan nafkah atau nafkah yang tidak mencukupi boleh mengakibatkan krisis dalam rumahtangga yang membawa kepada perceraian.(Azizah, 2018) Terkait dengan fungsi ini justeru Islam menggalakkan lelaki yang mempunyai kemampuan material untuk berkahwin sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:

مَنْ اسْتَطَاعَ الْبَاعَةَ فَلْيَتَرْوَجْ فَإِنَّهُ أَغْضَنَ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنَ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءَ.

Terjemahan: Sesiapa di antara kamu telah mampu berkahwin, maka bernikahlah. Kerana nikah itu dapat menundukkan mata dan memelihara faraj (kelamin) dan sesiapa tidak mampu maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu dapat membendung syahwat.(Al-'Asqalānī, 2013)

Ulama membincangkan maksud perkataan “الباعية” dalam hadis di atas. Pengertian pertama merujuk kepada mampu dari segi hubungan kelamin, sementara pengertian yang kedua adalah mampu dari segi kewangan. Mampu dari segi kewangan merupakan pengertian yang lebih tepat dan bersesuaian dengan maksud hadis memandangkan kesinambungan hadis menyebutkan “sesiapa tidak mampu, maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu dapat membendung syahwat”. Tambahan pula, tidak mungkin orang yang tidak mampu dari segi hubungan kelamin diberikan solusi berpuasa bagi mengawal syahwatnya. Dari itu dapat dikatakan bahawa galakkan berkahwin bagi lelaki yang mempunyai kemampuan kewangan adalah bagi menyokong fungsi ekonomi dalam sebuah keluarga.

Kesimpulan

Kefungsian sebuah keluarga merupakan elemen penting yang jika tidak dijalankan dengan baik sebagaimana dikehendaki Islam akan berlaku ketidakfungsian, kepincangan, kerosakan dan keruntuhan institusi rumahtangga dan keluarga. Kefungsian keluarga sangat bergantung kepada kefungsian suami sebagai pemimpin dalam sebuah keluarga bagi memastikan, menggerakkan dan memimpin ahli keluarga untuk mencapainya. Peranan suami sebagai pemimpin keluarga juga sangat penting dalam membangun komunikasi yang baik dan membentuk kesepaduan hubungan dalam sesebuah keluarga. Sementara fungsi-fungsi keluarga berkait secara langsung dengan tanggungjawab suami sebagai pemimpin keluarga.

Rujukan

- Abū Dāwud, Sulaymān Ash’ath (2009). *Sunan Abī Dāwud*. Dār al-Risālah al-‘Ālamiyah.
- Abū Zahrah, Muhammad (n.d.). *Aḥwāl al-Shakhṣiyah*. Dār al-Fikr al-‘Arabiyy.
- Akidah : Peranan dan Kepentingannya dalam Memelihara Keharmonian Rumah Tangga. *Jurnal Usuluddin*.
- Al-Alūsī, A. al-F. S. al-D. al-S. M (n.d.). *Rūḥ al-Ma’ānī*. Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabiyy.
- Asming Yalawae, Mustafa Afifi Ab Halim, & Wan Abdul Fattah Wan Ismail (2011).
- Al-‘Asqalānī, A. bin ‘Alī bin Ḥajar al- (2013). *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Al-Risālah Al-‘Ālamiyah.
- Al-‘Asqalānī, Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajr (2011). *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dār al-Ṭayyibah.
- Azizah (2018). Ketahanan Keluarga dalam Perspektif Hukum Islam. In *Ketahanan Keluarga dalam Perspektif Islam: Pandangan Kondisi Pemerdayaan Perempuan, Remaja dan Keluarga Majlis Ulama Indonesia*. Pustaka Cendikiawan Muda.
- Cut Mawar Helmanda, & Novita Pratiwi (2018). Peranan Komunikasi Keluarga Dalam Perspektif Islam. *Jurnal Tabligh*, 19, 119–129.
- Dai, L., & Wang, L (2015). Review of Family Functioning. *Open Journal of Social Sciences*, 3(December), 134–141.
- al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad (2005). *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Dār Ibn Ḥazm.
- Ibn Kathīr, A. al-F. I. bin ’Umar (n.d.). *Tafsīr al-Qur’ān al-’Azīm*. Dār Ibn Jawzī. M. Quraish Shihab (2015). *Pengantin Al-Quran*. Lentera Hati.
- Melati Sumari, Dini Farhana Baharudin, Norfaezah Md Khalid, Nor Hasniah Ibrahim, & Ida Hartina Ahmed Tharbe (2020). Family Functioning in a Collectivist Culture of Malaysia: A Qualitative Study. *Family Journal*, 28(4), 396–402. <https://doi.org/10.1177/1066480719844334>
- Mohammad Luthfi (2017). Komunikasi Interpersonal Suami dan Istri Dalam Mencegah Perceraian di Ponorogo. *ETTISAL Journal of Communication*, 2(1), 51. <https://doi.org/10.21111/ettisal.v2i1.1413>
- Nik Abdul Aziz Nik Mat (2012). *Bunga Kebahagiaan*. Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah, & Syazwana Aziz (2016). Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial Malaysia*, 1, 36–52.
- Rozumah Baharudin, & Mansor Abu Talib (2014). *Kefungsian Keluarga*. Penerbit UKM.
- al-Sa’di, A. R (2002). *Taysir Al-Karim Ar-Rahman fi Tafsir Kalaam Al-Mannaan* (p. 1150).
- al-Ṭabarānī, A. al-Q. S. bin A (1995). *Al-Mu’jam al-Awsat*. Dār al-Ḥaramayn.
- al-Ṭabarī, A. J. M. ibn J. ibn Y. ibn K (2000). *Jāmi’ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*. Muassasah al-Risālah,.
- al-Zamkhasharī, A. al-Q. M. bin ‘Umar (2009). *Tafsīr Al-Kasyāf*. Dār al-Ma’rifah.
- Zaydān, Abd al-Karīm (1993). *Al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa Bayt al-Muslim fī al-Shari’ah al-Islāmiyyah*. Muassasah al-Risālah,.